



TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
KARNIVAL BeSKILLS GIATMARA 2016**

**DEWAN MAJLIS DAERAH BERA, PADANG LUAS,
BERA, PAHANG**

**26 NOVEMBER 2016
WAKTU KETIBAAN : 10.30 PAGI**

Salutasi Sewajarnya

MUKADDIMAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

1. Alhamdulillah, kesyukuran kita panjatkan kehadiran Allah SWT, tuhan yang Maha Pengasih dan Penyayang diizinkan kita dapat bersama di Majlis Perasmian Penutup Karnival Beskilss GIATMARA 2016 di Bera nan bertuah pada hari ini.

2. Saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengurusan GIATMARA, YBhg. Dato' Haji Azian Bin Osman serta warga kerja GIATMARA kerana sudi menjemput saya hadir bersama dimajlis yang berbahagia ini.

GIATMARA DEKAT RAKYAT

3. Penubuhan pusat-pusat pengajian seperti GIATMARA adalah bertujuan untuk menyediakan pelbagai kemudahan latihan teknikal bertaraf sijil kepada golongan belia yang tidak mempunyai kelayakan akademik dan tidak pula berpeluang melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi.

4. MARA saya dimaklumkan sentiasa memperkemas dan mempertingkatkan sistem pembelajarannya bersesuaian dengan perkembangan masa kini dan konsep pembelajaran *Hands-On* yang diamalkan di GIATMARA merupakan suatu konsep pembelajaran yang lebih tertumpu kepada system pratikal sebagai satu keistimewaan bagi semua latihan kemahiran teknikal di GIATMARA.

5. Sementara itu, konsep *Life-Long Learning* (3L) yang juga diamalkan oleh GIATMARA pula, telah berjaya memberi laluan bukan sahaja kepada belia kita, malahan juga memberi peluang kepada masyarakat yang ingin menambah dan memperkayakan ilmu mereka. Konsep ini telah menjadi satu *trademark* kepada GIATMARA dan semestinya digalak dan diteruskan.

KE ARAH 'INNOVATION NATION'

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada GIATMARA atas usaha berterusan mendukung matlamat negara melalui MOSTI dengan memacu agenda Sains, Teknologi dan Inovasi atau STI negara. Kita perhatikan momentum agenda STI negara semakin rancak, dengan penganjuran pelbagai program termasuk program penerapan budaya STI seperti Karnival BeSkills GIATMARA bagi mengisi Dekad Inovasi (2010-2020).

7. Negara kita turut membuat anjakan positif dari segi indeks daya saing global. Malaysia kini berada pada kedudukan ke-19 dalam World Competitiveness Yearbook 2016 yang mana kita lihat Negara China mendahului di kedudukan pertama berbanding Amerika yang telah jatuh ke kedudukan ke-3. Hanya Singapura mendahului kita di kelompok negara ASEAN.

MENGANJAK PENGUASAAN STI KE TAHAP LEBIH TINGGI DI BAWAH RMK-11

Hadirin yang dihormati,

8. Di bawah RMK-11, Kerajaan mensasarkan membuat anjakan ke tahap penguasaan STI yang lebih tinggi dengan *outcome* yang lebih berkesan melalui program-program yang akan memberi focus kepada R&D bersifat *game changer*.

9. Strategi RMKe-11, Pembangunan Nasional Malaysia berasaskan ekonomi berteraskan rakyat (*people economy*) yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berasaskan modal (*capital economy*) yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi.

INOVASI - BeSKILLS

10. Pertandingan Rekacipta dan Inovasi ini adalah satu usaha yang sangat baik bagi menerapkan budaya kreatif dan inovatif di kalangan tenaga kerja mahir yang seterusnya menyumbang secara tidak langsung kepada STI negara. Para pelatih di institusi-institusi kemahiran juga berpeluang untuk menghasilkan sesuatu rekaan dan ciptaan mereka sebagai pelatih yang berinovasi dan mempunyai kreativiti tinggi.

11. Di samping menimba ilmu dan mendapat kemahiran dalam bidang teknikal yang di minati, anak-anak muda kita selaku pelatih di institusi kemahiran seperti GIATMARA ini akan terdedah dengan nilai-nilai dan cabaran menghasilkan produk ciptaan mereka.

12. Sesungguhnya, melalui pertandingan seumpama ini, pelatih serta tenaga pengajar itu sendiri seharusnya menggunakan platform ini untuk menguji kesesuaian, keberkesanan dan gunapakai produk ciptaan mereka sejajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di pusat latihan masing-masing.

13. Cabaran tenaga pengajar serta pelatih GIATMARA seharusnya tidak tamat di situ sahaja, malahan kita perlu melihat dan memandang lebih jauh dari itu, terutamanya dari aspek pengkomersialan produk yang kita berjaya cipta itu. Cabaran penghasilan produk berkualiti tinggi yang menjadi arus perdana dunia wajar diambil kira dalam merangka perancangan rekacipta dan inovasi kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Bagi menjadikan kita, anggota GIATMARA yang berinovasi, berkualiti dan berintegriti, saya menyeru agar semua warga MARA terus melengkapkan diri dengan kemahiran (*skills*), ilmu pengetahuan (*knowledge*) dan sifat-sifat peribadi (*attitude*) yang tinggi.

15. Di sini suka saya memetik ucapan YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di satu majlis dahulu, di mana beliau mengutarakan enam elemen bagi meningkatkan kualiti penyampaian yang boleh dihayati :-

Pertama : Penyampaian GIATMARA yang berkualiti perlu dimantapkan keprofesionalan terutamanya dalam skop kerja masing-masing ;

Kedua : Anggota GIATMARA perlu sentiasa memberikan perkhidmatan yang responsif kepada pelanggan;

Ketiga : Mengubah mindset masing-masing dengan memberi keutamaan dan perhatian terhadap aduan dan rungutan yang diterima daripada pelanggan;

Keempat : Mengambil manfaat sepenuhnya kemajuan dalam teknologi maklumat, komunikasi atau ICT;

Kelima : Lebih kreatif dan inovatif dalam menerokai pembaharuan untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan; dan yang

Keenam : Memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan penuh integriti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Suka saya mengajak semua anggota GIATMARA untuk turut serta secara gigih dalam usaha Transformasi Negara dengan meningkatkan produktiviti kerja, memiliki minda berinovasi dalam melaksanakan tugas serta meningkatkan integriti dalam semua aspek.

ARUS PERUBAHAN

Tuan-tuan & puan-puan,

17. Kita sesungguhnya bersyukur kerana berada dalam Negara yang aman damai dan dapat hidup dengan baik dalam masyarakat 1Malaysia. Memahami satu sama lain, tidak di sesetengah negara luar yang pernah kita lihat di television dan baca dalam akhbar bahawa para belia di pergunakan untuk membaling batu untuk kebebasan. Ini tidak berlaku di Malaysia kerana Malaysia mengamalkan pemerintahan demokrasi yang baik.

18. Negara kita cukup pesat membangun, peluang-peluang bidang ekonomi sentiasa bertambah setiap tahun.

19. Dalam bidang pekerjaan contohnya, rakyat dari negara asing sanggup merempuh lautan, bukit-bukau untuk datang bekerja dalam negara kita.
20. Untuk mengatasi masalah pendatang asing, kerajaan telah menyediakan peluang-peluang latihan melalui, contohnya; MARA/GIATMARA dan lain-lain agensi swasta dalam pelbagai bidang dan tahap kemahiran yang anak-anak muda kita boleh pilih.
21. Dalam sektor perniagaan, kerajaan melalui MARA/GIATMARA khasnya dan lain-lain agensi telah menyediakan pelbagai jenis pinjaman untuk Generasi muda/mudi, GEN-Y, untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan, walaupun bermula dari kecil-kecilan.
22. Selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi, Kerajaan telah mensasar 3.3 juta pekerjaan menjelang tahun 2020, di mana 50 peratus daripadanya adalah tenaga kerja berkemahiran tinggi.
23. Dalam hubungan ini, Rang Undang-Undang Teknologis dan Juruteknik 2014 telahpun diluluskan. Akta yang memberi laluan kepada penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia atau MBOT akan memberi pengiktirafan kepada kerjaya teknologis dan memperkasa pendidikan teknik dan latihan vokasional (TEVT).
24. Seramai 400,000 belia dalam bidang TVET melalui latihan kemahiran yang bertauliah akan mendapat manfaat daripada inisiatif ini.
25. Sementara dalam bidang sukan pula, banyak program telah di adakan melalui sekolah-sekolah, kolej dan di lain-lain program yang telah diadakan oleh pelbagai kementerian khususnya Kementerian Belia Dan Sukan.

26. Kerajaan telah menubuhkan Kementerian Belia & Sukan dengan membuka lebih banyak peluang untuk GEN-Y menunjukkan bakat bukan sahaja di peringkat negeri, sehingga peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa kerajaan tetap memberi pelbagai bentuk bantuan.

27. Dalam hal-hal disiplin kerajaan mewujudkan program Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mana sudah beribu muda/mudi dapat mengikuti program tersebut. Jika di peringkat awal pelaksanaan PLKN ramai yang ragu-ragu serta takut, Tetapi kini, kerajaan menerima banyak permohonan daripada muda/mudi yang sangat berminat untuk menyertai program latihan anjuran Kementerian Pertahanan Malaysia.

28. Ini adalah antara program yang di reka khas oleh kerajaan untuk GEN-Y. Banyaklah lagi program yang sedang di rancang oleh pelbagai agensi kerajaan yang mana akan membolehkan GEN-Y menyertainya mengikut kemampuan masing-masing.

Hadirin dan hadirat,

29. Dalam era IT atau *Internet of Things* (IoT) dan teknologi masa kini, semua rakyat diberi peluang untuk terus berhubung dengan pemimpin. Pemimpin turun ke bawah untuk bersama-sama rakyat sepertimana yang di lakukan sendiri oleh YAB. Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abd Razak. Kita melihat Perdana Menteri kita sangat berminat dengan GEN-Y atau Generasi Muda. Malah Perdana Menteri kita telah menyediakan laluan media supaya GEN-Y boleh terus berhubung dengan beliau melalui *Blog, Facebook, Twitter*, perjumpaan dan lain-lain.

30. *Internet of Things* (IoT) teretus hasil daripada pemusatan pelbagai teknologi (*convergence of multiple technologies*) daripada komunikasi tanpa wayar (*wireless communication*) kepada Internet. Menjelang 2020, sebanyak 26 bilion peranti dianggar disambungkan ke IoT.

31. Teknologi IoT akan membantu memacu inovasi pada kadar yang lebih pantas dan dijangka menjana peluang ekonomi bernilai RM890 bilion di peringkat global menjelang tahun 2020. IoT dianggarkan berkembang pada kadar 34.1 peratus setahun di rantau Asia Pasifik kepada RM203 bilion menjelang tahun 2020.

32. Negara-negara maju telah menggerakkan usaha meningkatkan keupayaan masing-masing dalam meneroka dan mengeksploitasi teknologi IoT, mengurus *big data* dan menjamin keselamatan ruang siber (*cyber security*).

33. Oleh yang demikian, GEN-Y hendaklah terus aktif dan proaktif dalam merebut peluang yang boleh memajukan diri sendiri bersama pemimpin kita yang sentiasa perihatin pada golongan muda GEN-Y ini. Jangan dilihat sesuatu ciptaan atau inovasi yang bakal dihasilkan hanya dari sudut fizikal, tetapi kita harus bersedia berfikir di luar kotak kebiasaan bagi melakukan perubahan dan anjakan seterusnya, terutamanya dalam persekitaran ekonomi berasaskan pengetahuan yang amat kompetitif, sukar diramal dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang sentiasa berubah.

34. Gaya serta kaedah penyampaian perkhidmatan GIATMARA pula perlu dilaksanakan di luar kelaziman, iaitu *beyond ordinary; making the extraordinary looks so ordinary*.

You know what they say... "Business as usual is a recipe for Disaster".

Hadirin yang dihormati,

35. Perkembangan serta perubahan ekonomi yang pesat di peringkat global menyedarkan kita bahawa Malaysia perlu segera melakukan perubahan agar lebih berdaya saing untuk terus maju di persada antarabangsa. Menyedari akan hakikat ini, Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, telah merencanakan pelbagai pelan transformasi yang padat dalam usaha melonjakkan kedudukan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, inklusif dan mampan menjelang tahun 2020. Ini termasuk Program Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi, dan Rancangan Malaysia Ke-11, yang semuanya digubal di bawah naungan prinsip "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

36. Sejalan dengan agenda transformasi ini, adalah penting bagi semua jentera kerajaan menyahut cabaran untuk bersama-sama melaksanakan perubahan. Dalam hal ini GIATMARA juga tidak ketinggalan, malah sudah tiba masanya untuk GIATMARA melakukan realignment supaya segala strategi dan program yang dilaksanakan adalah menepati hala tuju dan aspirasi negara.

37. Saya amat menekankan perkara ini kerana MARA ataupun GIATMARA mempunyai peranan penting sebagai sebuah agensi yang mengubah serta membentuk sosio-ekonomi masyarakat di negara ini, iaitu sebuah *socioeconomic engineering agency*. Kejayaan GIATMARA secara tidak langsung menentukan kejayaan kerajaan, khususnya dalam membangunkan kaum Bumiputera. Perubahan yang dilakukan oleh GIATMARA perlu bermula di peringkat asas dan dasar, kerana transformasi yang dibawa oleh kerajaan pada hari ini meliputi segenap perkara yang merentasi dasar-dasar utama yang menunjangi pembangunan negara.

38. Perubahan dasar ini pastinya akan membawa perubahan besar terhadap *grand design* dan kerangka gerak kerja GIATMARA. Dalam merancang transformasi, GIATMARA perlu

memandang ke hadapan untuk mempersiapkan generasi baru negara menghadapi cabaran dan kegetiran 50 tahun akan datang.

39. Sekiranya generasi pertama yang mengemudi MARA ketika zaman Tun Razak telah memacu MARA dan mempersiapkan agenda negara sehingga 45 tahun, maka pada hari ini MARA/GIATMARA perlu merancang untuk tiga generasi seterusnya, iaitu menjangkau empat dekad yang akan datang.

Saranan, nasihat serta amanat YB MENTERI

Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua peserta yang bertanding dalam Karnival BeSkills GIATMARA 2016 ini. Komitmen dan kejayaan anda diharap menjadi role model kepada masyarakat Malaysia dalam melakari dan menyelusuri inovasi. Juga setinggi penghargaan kepada GIATMARA Malaysia kerana berjaya menganjur karnival ini dan teruskan semangat untuk melahirkan produk-produk yang berinovatif dan kreatif.

Akhir kata, Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya merasmikan majlis Penutup Karnival BeSkills GIATMARA 2016 ini.

Sekian, terima kasih.